

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin AbdulAziz

TARIKH : 14 November 2016

SOALAN : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul
Aziz minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan :-

a) pengembangan *eco-agriculture*
berikutan beberapa ekonomi besar
sedang meningkatkan pelaburan
dalam bidang *eco- agriculture*,
terutama makanan, adakah pihak
Kementerian bercadang
meningkatkan pelaburan dalam
bidang ini; dan

b) sila nyatakan produk yang
dibangunkan dibawah *eco-
agriculture*.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan pengembangan *eco-agriculture*. Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020, pembangunan pertanian mampan yang merupakan salah satu aspek *eco-agriculture* telah dinyatakan secara khusus supaya meningkatkan pengeluaran makanan dapat ditingkatkan secara lestari.

Bagi tujuan pengembangan *eco-agriculture*, Kerajaan juga telah meningkatkan pelaburan di mana sebanyak **RM 69.6 juta** telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) . Projek utama *eco-agriculture* termasuk:

- (i) Pensijilan amalan pertanian baik (myGAP);
- (ii) Penggunaan teknologi fertigasi dan struktur pelindung hujan (SPH); dan
- (iii) Pembangunan ladang organik.

Antara produk yang dibangunkan di bawah *eco-agriculture* termasuklah buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan.